



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

INDEKS SEWAAN PUSAT BELI-BELAH LEMBAH KLANG Klang Valley Shopping Centre Rental Index (KV SC-RI)

2023^P



Diterbitkan oleh

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC),
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 7, Blok Perbendaharaan 2,
No.7, Persiaran Perdana,
Presint 2,
62592 PUTRAJAYA.

Published by

*National Property Information Centre (NAPIC),
Valuation and Property Service Department,
Ministry of Finance Malaysia
Level 7, Perbendaharaan 2,
No 7, Persiaran Perdana,
Precint 2,
62592 PUTRAJAYA.*

Tel : 03 - 88869000
Fax : 03 - 88869007

Hak Cipta Terpelihara 2023
Copyright Reserved 2023

Kandungan/ Contents

Gambaran Keseluruhan <i>Overview</i>	1
Prestasi Indeks Sewa Pusat Beli-belah Lembah Klang (KV SC-RI) mengikut Kategori <i>Performance of Klang Valley Shopping Centre Rental Index (KV SC-RI) by Categories</i>	2
KV SC-RI Mengikut Kategori..... <i>KVSC-RI by Categories</i>	4
i) Super Regional (SR)	5
ii) Regional Centre (RC)	6
iii) Neighbourhood Centre (NC)	7
iv) Community Centre (CC)	8
Sewa Purata Pusat Beli-belah (RM s.m.p) di Lembah Klang 2022 vs 2023 ^P	9

GAMBARAN KESELURUHAN

Pada tahun 2023, aktiviti membeli-belah kembali ke tahap pra-pandemik. Pembukaan semula sempadan negara, kedatangan pelancong serta kelonggaran syarat kemasukan pelancong ke dalam negara (Visa-on-Arrival (VOA)) telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pengunjung ke pusat beli-belah telah menggiatkan semula industri peruncitan. Walau bagaimanapun, tingkah laku pengguna terhadap aktiviti membeli-belah telah berubah selepas pandemik dengan kecenderungan daripada kedai fizikal kepada platform maya e-dagang. Pusat beli-belah telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk strategi omnichannel untuk kekal berdaya saing dalam industri.

Perubahan dalam tingkah laku pengguna berserta dengan peningkatan kos operasi perniagaan, peningkatan kos sara hidup, pengenalan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), dan cadangan pengenaan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGST) memberi cabaran baru kepada industri peruncitan pasca-pandemik. Pemilik perlu menangani cabaran ini dengan berkesan dan meneroka alternatif untuk mengurangkan kos operasi di samping meningkatkan lagi strategi pemasaran untuk menarik kembali pengunjung ke pusat beli-belah.

Namun begitu, perniagaan masih optimis dengan Indeks Keadaan Perniagaan (BCI) (MIER) menunjukkan tanda pemulihan pada S4 2023 dengan peningkatan pada 9.3 mata berbanding suku sebelumnya (mencapai 89 mata dan 3.1 mata secara tahunan kepada 85.9 mata). Begitu juga Petunjuk Keyakinan Perniagaan (Jabatan Perangkaan Malaysia) meningkat sebanyak 3.2% bagi S4 2023, naik daripada 0.7% pada S3 2023. Perkhidmatan, industri dan pembinaan antara tiga sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik pada S4 2023. Namun demikian, prospek perniagaan terhadap sektor Perdagangan Borong dan Runcit dijangka menjadi pesimis dengan penunjuk keyakinan -3.6% pada S4 2023 berbanding -1.5% pada suku sebelumnya. Namun begitu, sektor Perdagangan Runcit pulih dengan peningkatan pada 3.0% berbanding dengan suku sebelumnya.

OVERVIEW

In 2023, shopping activity has returned to pre-pandemic levels. The reopening of the borders, the arrival of tourists, as well as the relaxation of the conditions for the entry of tourists into the country (Visa-on-Arrival (VOA)), contributed to an increased in footfall to shopping centre (SC) and revitalized the retail industry. However, after the pandemic, consumer behaviour towards shopping has changed, with a tendency from brick-and-mortar stores to virtual e-commerce platforms. SC has implemented various initiatives, including an omnichannel strategy, to remain competitive in the industry.


The changes in consumer behaviour, along with the increase in business operating costs, the rising cost of living, introduction of Sales Service Tax (SST) and proposed imposition of High-Value Goods Tax (HVGST), present new challenges to the post-pandemic retail industry. Owners must effectively address these challenges and explore alternatives to reduce operating costs while enhancing marketing strategies to attract footfall back to the mall.

On a bright note, business still optimistic with the Business Conditions Index (MIER) started to recover in Q4 2023 by an increase of 9.3 points on a quarter-on-quarter (basis reaching 89 points and 3.1 points on an annualised basis, to 85.9 points). Likewise, Business Confidence Indicator (DOSM) increased by 3.2% for Q4 2023, up from 0.7% in Q3 2023. Services, industry, and construction are the three sectors anticipating better business conditions in Q4 2023. The Wholesale and Retail Trade sector's business outlook is expected to be pessimistic with a confidence indicator of -3.6% in Q4 2023 compared to -1.5% in the last quarter. Nevertheless, the Retail Trade sector recovered with a 3.0% increase compared to the previous quarter.

¹ Business Conditions Index, Malaysia Institute of Economic Research Q4 2023

² Business Tendency Statistic, 4th Quarter 2023, DOSM. Business Confidence indicator is a short-term indicator which summarises the overall views of the business situation in various sectors in Malaysia

Carta 1: Petunjuk Keyakinan Perniagaan Mengikut Industri dan Sektor, 2019 – 2023^P
 Chart 1: Business Confidence indicator by industry and sector, 2019 – 2023^P



Source: Business Tendency Statistics, DOSM
 Sumber: Statistik Kecenderungan Perniagaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI INDEKS SEWAAN PUSAT BELI-BELAH LEMBAH KLANG (KV SC-RI)

Pada tahun 2023^P, Malaysia merekod 13,410 juta meter persegi ruang niaga dengan kadar penghunian berada pada sekitar 75.8%. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan ruang niaga KV SC-RI merekod 5,434 juta meter persegi (148 bangunan) dengan Kuala Lumpur mewakili 2,708 juta meter persegi (67 bangunan) dan Selangor (termasuk Putrajaya) pada 2,726 juta meter persegi (81 bangunan). Kadar penghunian bagi keseluruhan pusat beli-belah di Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing pada 84.7% (peningkatan 2.4%) dan 79.0% (peningkatan 4.2%) berbanding tahun 2022 (Kuala Lumpur: 82.4%; Selangor: 74.8%)

Walaupun kadar penghunian bertambah baik, prestasi sewaan menunjukkan sebaliknya. KV SC-RI kekal sederhana pada 109.7 mata dengan penurunan pada 1.4% berbanding 1.6% pada tahun 2022. Kemasukan baharu ruang niaga di Kuala Lumpur telah melemahkan kadar sewaan, turun 1.9% daripada 2.1% pada tahun 2022 (109.8 mata) kepada 0.2% pada tahun 2023^P (110.0 mata). Sebaliknya, Selangor menunjukkan peningkatan sebanyak 1.0% (108.8 mata) berbanding 0.7% (107.7 mata) pada tahun sebelumnya.

PERFORMANCE OF KLANG VALLEY SHOPPING CENTRE RENTAL INDEX (KV SC-RI)


In 2023^P, Malaysia recorded 13,410 million square meters of retail space, with an occupancy rate hovering around 75.8%. However, the total retail space in KV SC-RI is 5,434 million square meters (148 buildings), with Kuala Lumpur representing 2,708 million square meters (67 buildings), and Selangor (including Putrajaya) at 2,726 million square meters (81 buildings). The occupancy rate for the entire shopping centre in Kuala Lumpur and Selangor respectively reached 84.7% (a 2.4% increase) and 79.0% (a 4.2% increase) compared to 2022 (Kuala Lumpur: 82.4%; Selangor: 74.8%).

Although occupancy rates are improving, rental performance shows otherwise. KV SC-RI remained moderate at 109.7 points with a slight decrease at 1.4% compared to 1.6% in 2022. New influx of retail space in Kuala Lumpur has weakened rental rates, down 1.9% from 2.1% in 2022 (109.8 points) to 0.2% in 2023^P (110.0 points). Conversely, Selangor showed an increase of 1.0% (108.8 points) compared to 0.7% (107.7 points) in the previous year.

Kebanyakan pusat beli-belah mengambil langkah menawarkan perlanjutan tempoh penyewaan kepada penyewa sedia ada dengan mengekalkan kadar sewa semasa untuk jangka masa tertentu sebagai langkah untuk mengekalkan kadar penghunian. Pada masa yang sama, pihak pengurusan meningkatkan operasi pemasaran dan perkhidmatan di pusat beli-belah untuk mengekal dan meningkatkan jumlah pengunjung ke ruang niaga. Selangor merekod purata sewa lebih tinggi pada RM107.72 s.m.p. manakala Kuala Lumpur mencatatkan RM85.72 s.m.p. dianalisis pada RM97.29 s.m.p. untuk Lembah Klang.

Most shopping centre take steps to offer extended tenure to existing tenants by maintaining the current rental for a certain period as a measure to maintain the occupancy rates. At the same time, the management intensified marketing operations and improved service in the shopping centre to maintain and increase footfall to retail space. Selangor recorded a higher average rent at RM107.72 p.s.m. while Kuala Lumpur registered RM85.72 p.s.m., which was analysed at RM97.29 p.s.m. for Klang Valley.


Carta 2: KV SC-RI, KL SC-RI & SEL SC-RI: Pertumbuhan Tahunan 2015 – 2023^P
 Chart 2: KV SC-RI, KL SC-RI & SEL SC-RI: Annual Growth 2015 – 2023^P



Berdasarkan pertumbuhan tahunan mengikut suku, KV SC-RI mengekalkan kadar berturut-turut pada 1.4% dari S4 2022 hingga ke S4 2023^P, dengan pertumbuhan masing-masing di Kuala Lumpur dan Selangor berbeza antara kedua negeri tetapi menumpu pada kadar yang sama 0.5% pada S4 2023^P.

Based on annual growth by quarter, KV SC-RI maintained a consecutive rate at 1.4% from Q4 2022 to Q4 2023^P, with growth in Kuala Lumpur and Selangor respectively diverging between both states but converging at the same rate of 0.5% in Q4 2023^P.

Carta 3: KV SC-RI, KL SC-RI & SEL SC-RI: Pertumbuhan Tahunan Q1 2015 – Q4 2023^P
 Chart 3: KV SC-RI, KL SC-RI & SEL SC-RI: Annual Growth by Q1 2015 – Q4 2023^P



KV SC-RI MENGIKUT KATEGORI

Kategori terbesar di dalam KV SC-RI adalah SC Neighbourhood Centre (NC) (53 bangunan) dan Community Centre (CC) (55 bangunan) mewakili 2,160 juta meter persegi ruang niaga. Ruang niaga terbesar di Kuala Lumpur adalah dari kategori Super Regional (SR) yang meliputi 1,032 juta meter persegi sementara di Selangor, kategori Regional Centre (RC) menyumbang ruang komersial sebanyak 1,041 juta meter persegi. Untuk butiran lanjut tentang bilangan ruang niaga, ruang niaga yang dihuni, dan kadar penghunian mengikut kategori SC, sila rujuk Jadual 1 di bawah.

KV SC-RI BY CATEGORIES

The largest categories in KV SC-RI are SC Neighbourhood Centre (NC) (53 buildings) and Community Centre (CC) (55 buildings), representing 2,160 million square meters of retail space. The largest retail space in Kuala Lumpur is from the Super Regional (SR) category which covers 1,032 million square meters, while in Selangor, the Regional Centre (RC) category takes part with a commercial space of 1,041 million square meters. For more details on the number of retail spaces, occupied retail spaces, and occupancy rates by SC category, please refer to Table 1 below.


Jadual 1: KV SC-RI: Ruang Niaga, Ruang Dihuni & Kadar Penghunian Mengikut Kategori 2022 & 2023^P
 Table 1: KV SC-RI: Retail Space, Occupied Space & Occupancy Rate by Categories 2022 & 2023^P

Category of SC	No. of SC		Total Retail Space(m.p)		Total Occupied Space (m.p)		Occupancy Rate (%) 2022		Occupancy Rate (%) 2023	
	KL	SEL	KL	SEL	KL	SEL	KL	SEL	KL	SEL
1. Super Regional	8	3	1,031,752	495,437	942,183	470,947	88.7%	82.3%	91.3%	95.1%
2. Regional Centre	11	18	706,355	1,040,841	589,439	845,590	84.3%	76.5%	83.4%	81.2%
3. Neighbourhood Centre	25	28	721,302	802,236	580,413	580,722	75.7%	70.3%	80.5%	72.4%
4. Community Centre	23	32	248,843	387,267	182,706	256,960	71.4%	70.3%	73.4%	66.4%
TOTAL	67	81	2,708,252	2,725,781	2,294,741	2,154,219	82.4%	74.8%	84.7%	79.0%

Mengikut kategori, SC-RI SR berada pada 112.2 mata, diikuti oleh RC (107.8 mata), CC (105.9 mata) dan NC (103.2 mata). Berbanding tahun 2022, semua kategori merekod penurunan kecil antara 0.1% dan 0.8%, kecuali NC yang merekod peningkatan kecil pada 0.7%. Penurunan kecil dalam sewa disebabkan oleh kemasukan ruang niaga baharu, keluar masuk penyewa, serta kemerosotan penyewa mengakibatkan penurunan sewa di SC tertentu. Ia dilihat sesuai untuk memastikan SC dapat beroperasi dengan baik selepas wabak.

By categories, SC-RI SR stood at 112.2 points, followed by RC (107.8 points), CC (105.9 points) and NC (103.2 points). Compared to 2022, all categories recorded a small decrease ranging between 0.1% and 0.8%, except NC, which recorded a slight increase of 0.7%. The slight decrease in rents due to the entry of new retail space, tenant turnover, as well as tenant attrition, resulted in a decrease in rental at certain SC. It is seen as appropriate to ensure that the SC can operate properly after the outbreak.

Carta 4: KV SC-RI Mengikut Kategori 2015 – 2023^P
 Chart 4: KV SC-RI by Categories 2015 – 2023^P



i) Super Regional (SR)

Kadar penghunian SR di dua negeri masing-masing mencapai 91.3% (Kuala Lumpur) dan 95.1% (Selangor) yang merupakan kadar penghunian tertinggi dalam semua kategori SC. Pembukaan semula sempadan negara dan peningkatan kedatangan pelancong telah membantu meningkatkan penghunian di SR.

i) Super Regional (SR)

The SR occupancy rate in the two states reached 91.3% (Kuala Lumpur) and 95.1% (Selangor) respectively, the highest occupancy rate in all SC categories. The reopening of national borders and the increase in tourist arrivals have helped to increase occupancy in SR.


Indeks sewa SR KV berada pada 112.2 mata, manakala Kuala Lumpur dan Selangor merekod masing-masing 112.0 mata dan 113.7 mata. Pertumbuhan sewa di KV menunjukkan penurunan sebanyak 0.8% (2023^P) daripada 2.0% yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Kedua-dua negeri mengalami perubahan dalam prestasi dengan pertumbuhan sewa di Selangor meningkat kepada 1.6% pada tahun 2023^P daripada 1.0% yang direkodkan sebelum ini pada tahun 2022, manakala Kuala Lumpur mengalami

SR KV rental index stood at 112.2 points, whilst Kuala Lumpur and Selangor recorded 112.0 points and 113.7 points, respectively. Rental growth in KV showed a reduction of 0.8% (2023^P) from the 2.0% recorded in the previous year. Both states experienced changes in performance, with rental growth in Selangor increasing to 1.6% in 2023^P from the previously recorded 1.0% in 2022, while Kuala Lumpur saw the opposite trend, experiencing a larger decline from 2.3% in 2022 to 0.2% in 2023^P. TRX Exchange

trend sebaliknya iaitu mengalami penurunan yang lebih besar daripada 2.3% pada tahun 2022 kepada 0.2% pada tahun 2023^P. TRX Exchange di Kuala Lumpur merupakan salah satu destinasi perniagaan terkini dengan gaya hidup dinamik, memasuki pasaran pada S4 2023 dengan ruang niaga berjumlah 125,415 meter persegi akan menjadi saingan baharu kepada SR sedia ada. Bangunan ini telah berjaya menarik peniaga untuk bertapak dan menyumbang kadar penghunian mengagumkan pada 85.0%. Tiada kemasukan baru SR di Selangor dilaporkan. Purata sewa Kuala Lumpur (RM319.33 s.m.p.) adalah dua kali lebih tinggi daripada Selangor (RM152.70 s.m.p.).

in Kuala Lumpur, one of the latest retail destinations with a dynamic lifestyle, entering the market in Q4 2023 with a retail space totalling 125,415 s.q.m., will be a new rival to the existing SR. This building has successfully attracted retailers to establish a foothold and given an impressive occupancy rate of 85.0%. No new entry of SR in Selangor was reported. The average rental for Kuala Lumpur (RM319.33 p.s.m) was twice higher than that of Selangor (RM152.70 p.s.m).

Carta 5: KV SC-RI: SR & Pertumbuhan Tahunan 2015 – 2023^P
 Chart 5: KV SC-RI: SR & Yearly Growth 2015 – 2023^P



ii) Regional Centre (RC)

Indeks sewa RC menyaksikan pergerakan yang berbeza dengan pergerakan tahunan yang menunjukkan trend yang sama dan berlawanan di antara kedua negeri. Kuala Lumpur merekod penurunan sewa pertamanya pada tahun 2023^P selepas enam tahun berturut-turut mengekalkan trend positif. Pengurangan sewa telah dicatatkan di dalam beberapa RC bagi mengatasi kehilangan penyewa sedia ada. Bagi kadar penghunian pula, RC merekodkan penurunan kecil daripada 84.3% pada tahun 2022 kepada 83.4% pada tahun 2023^P dengan sewa menurun sedikit daripada 1.7% pada tahun 2022 kepada -1.2% pada tahun 2023^P. Pavillion Damansara Heights, Kuala Lumpur kemasukan baru seluas 52,903 meter persegi pada S3 2023, berjaya menarik penghuni kepada 80%.


ii) Regional Centre (RC)

RC rental index saw diverging movements with yearly movements seeing an intermittent converging and diverging trend for the two states. Kuala Lumpur recorded its first rental decline in 2023^P after six consecutive years of remaining positive. Rental reductions have been noted in some RC to offset the loss of existing tenants. As for the occupancy rates, RC recorded a slight decrease from 84.3% in 2022 to 83.4% in 2023^P, with rental decreasing slightly from 1.7% in 2022 to -1.2% in 2023^P. Pavillion Damansara Heights, Kuala Lumpur the new influx of 52,903 square meters in Q3 2023, managed to attract occupants to 80%.

Walau bagaimanapun, Selangor bertambah baik dengan perubahan kecil dalam pertumbuhan sewa, merekod 0.1% (2023^P) daripada mendatar (0.0%) pada tahun 2022. Sejalan dengan itu, kadar penghunian juga mengalami peningkatan 4.7% daripada 76.5% (2022) kepada 81.2% pada tahun 2023^P. Tiada pesaing baru dan pembukaan penuh aktiviti perniagaan di RC telah menyumbang kepada pergerakan ini. Purata sewa RC yang diterajui Kuala Lumpur merekodkan RM162.25 s.m.p., 46.4% lebih tinggi berbanding Selangor pada RM110.81 s.m.p.

However, Selangor improved with a small shift in rental growth, recording 0.1% (2023^P) from flat (0.0%) in 2022. Correspondingly, the occupancy rate also saw an increase of 4.7% from 76.5% (2022) to 81.2% in 2023^P. No new entrants and full opening of business activities in RC have contributed to this movement. The average rental for RC led by Kuala Lumpur recorded RM162.25 p.s.m., 46.4% higher compared to Selangor at RM110.81 p.s.m.

Carta 6: KV SC-RI: RC & Pertumbuhan Tahunan 2015 – 2023^P
Chart 6: KV SC-RI: RC & Yearly Growth 2015 – 2023^P



iii) Neighbourhood Centre (NC)

Pada tahun 2023^P, indeks sewa KV NC berada pada 103.2 mata dengan Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing merekod 105.4 mata dan 101.2 mata. Pertumbuhan sewa di Selangor bertambah baik, meningkat kecil pada 0.6% daripada penguncupan tahun sebelumnya pada -0.1%. Sementara itu, Kuala Lumpur mengalami penurunan kecil daripada 1.7% pada tahun 2022 kepada 1.3% pada tahun 2023^P. Kadar pertumbuhan antara Kuala Lumpur dan Selangor semakin hampir dengan perbezaan yang semakin mengecil. Berbanding tahun 2022, kadar penghunian di kedua negeri bertambah baik, masing-masing meningkat pada 4.8% (2023^P: 80.5%; 2022: 75.7%) dan 2.1% (2023^P: 72.4%; 2022: 70.3%) di Kuala Lumpur dan Selangor.


Bagi purata sewa pula, Selangor merekod kadar lebih tinggi iaitu RM84.68 s.m.p. berbanding Kuala Lumpur pada RM55.47 s.m.p.

iii) Neighbourhood Centre (NC)

In 2023^P, KV NC rental index stood at 103.2 points, with Kuala Lumpur and Selangor recording 105.4 points and 101.2 points, respectively. Rental growth in Selangor improved, slightly increasing by 0.6% from a contraction the previous year of -0.1%. Meanwhile, Kuala Lumpur experienced a slight decrease from 1.7% in 2022 to 1.3% in 2023^P. The growth rates between Kuala Lumpur and Selangor are starting to come close, with the difference getting smaller. Compared to 2022, the occupancy rates in both states improved, increasing by 4.8% (2023^P: 80.5%; 2022: 75.7%) and 2.1% (2023^P: 72.4%; 2022: 70.3%) in Kuala Lumpur and Selangor, respectively.

As for the average rental, Selangor recorded a higher rate at RM84.68 p.s.m. as compared to Kuala Lumpur at RM55.47 p.s.m.

Carta 7: KV SC-RI: NC & Pertumbuhan Tahunan 2015 – 2023^P
 Chart 7: KV SC-RI: NC & Yearly Growth 2015 – 2023^P




iv) Community Centre (CC)

Indeks sewa CC menunjukkan trend yang berbeza antara kedua negeri. Selangor menunjukkan trend menaik manakala Kuala Lumpur menunjukkan sebaliknya. Selangor mengekalkan pertumbuhan sewa yang sederhana, menurun kepada 2.1% pada tahun 2023^P berbanding 2.4% pada tahun 2022, dengan kadar penghunian menurun daripada 70.3% pada tahun sebelumnya kepada 66.4% pada tahun 2023^P. Sebaliknya di Kuala Lumpur, kadar penghunian di dalam CC meningkat dari 71.4% (2022) kepada 73.4% (2023^P), dan tiada pertumbuhan sewa dikesan. Sewa merekod penurunan kecil daripada 0.5% pada tahun sebelumnya kepada tidak berubah pada tahun 2023^P (0.0%) berikutan pengurangan sewa di beberapa CC. Penurunan kecil di kedua negeri ini telah menyumbang kepada penurunan KV daripada 1.9% direkodkan pada tahun 2022 kepada 0.1% pada tahun 2023^P. Selangor merekod kadar lebih tinggi pada RM64.09 s.m.p.

iv) Community Centre (CC)

CC rental index shows different trends between the two states. Selangor shows an upward trend, while Kuala Lumpur shows the opposite. Selangor maintained moderate rental growth, decreasing to 2.1% in 2023^P compared to 2.4% in 2022, with the occupancy rate declining from 70.3% in the previous year to 66.4% in 2023. In contrast to Kuala Lumpur, the occupancy rate in CC increased from 71.4% (2022) to 73.4% (2023^P), and no rental growth was detected. Rents recorded a slight decrease from 0.5% in the previous year to unchanged in 2023^P (0.0%), due to rent reductions in some CC. The slight decline in these two states has contributed to the decrease in KV from 1.9% recorded in 2022 to 0.1% in 2023^P. Selangor recorded a higher rate at RM64.09 p.s.m. compared to Kuala Lumpur (RM32.97 p.s.m.), resulting in rental for KV for this category at RM50.12 p.s.m.

Carta 8: KV SC-RI: CC & Pertumbuhan Tahunan 2015 – 2023^P
 Chart 8: KV SC-RI: CC & Yearly Growth 2015 – 2023^P



Purata Sewaan Pusat Beli Belah (RM s.m.p) di Lembah Klang 2023^P vs 2022
 Average Rental of Shopping Centre (RM p.s.m) in Klang Valley 2023^P vs 2022

